

\$7,000 JUTA TÁBAS MI MISKIN

19 OKT 1976

KUALA LUMPUR, Rabu. — Dr. Mahathir Mohamad berkata malam tadi, Kerajaan mengemukakan kira-kira \$7,000 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga, khas untuk membasmi kemiskinan rakyat.

Tetapi usaha besar ini memerlukan semangat dedikasi oleh semua pihak yang diamanahkan menjayakan tugas tersebut.

Kata beliau, wang sebanyak itu akan disalurkan melalui jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun.

Bagaimanapun, jabatan dan badan berkanun itu hanyalah jentera di barisan depan, yang tidak akan bergerak lancar sekiranya tidak disokong oleh jentera pelaksana di barisan belakang, termasuk pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian di majlis penyampaian diploma dan sijil kepada 351 orang pegawai Kerajaan yang telah menjalani berbagai kursus di Institut Tadbiran Negara atau INTAN.

Majlis tersebut diadakan di sebuah hotel terkemuka di sini.

Dr. Mahathir yang bercakap panjang lebar mengenai kemiskinan antara lain menyebut, kemiskinan tidak mengenal kaum.

Ia wujud di desa ataupun di bandar. Tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, kemiskinan di desa biasanya lebih daripada bandar.

Kemiskinan orang Melayu dan lain-lain Bumiputra adalah lebih tinggi peratusannya daripada

lain-lain golongan.

Ini menjadikan usaha membasmi kemiskinan lebih penting dari biasa kerana kita bukan sahaja bertujuan mengurangkan jarak pendapatan antara yang berada dan yang tidak berada tetapi juga untuk menyamakan pembangunan antara kaum di Malaysia," katanya.

Kata Dr. Mahathir: "Dalam menghadapi masalah ini kita memerlukan segala tenaga dari semua golongan masyarakat.

"Kerajaan sahaja tidak akan berjaya tanpa kerjasama dari semua pihak termasuklah mereka yang miskin itu sendiri."

Dr. Mahathir kemudian mengingatkan, pegawai dan kakitangan Kerajaan mestilah bersikap dinamis, agresif dan imaginatif, waktu menjalankan tugas membasmi kemiskinan.

Dr. Mahathir kemudian mengingatkan pegawai-pegawai Kerajaan bahawa mereka mestilah sedar dan tidak lupa menoleh ke belakang, kerana di sebalik kejayaan mereka menjadi orang-orang istimewa itu, ramai pula rakan-rakan yang keciciran.

Mereka yang tercicir adalah mereka yang tidak bernasib baik. Jika keluhan patut disuarakan maka tentulah mereka yang yang tercicir yang patut menyuarakannya.

Tetapi kerap kali kita mendengar bukan yang tercicir di sepanjang jalan yang mengeluh tetapi mereka yang telah dianugerahkan kedudukan yang istimewa ini yang mengeluh dan meratap tentang kekecewaan.

"Perkara ini berlaku kerana kita sudah tidak lagi pandai bersyukur. Pemberian Tuhan dan pemberian masyarakat dianggap kejadian biasa, dan oleh itu tidak perlu kita berterima kasih," kata Dr. Mahathir.

Menurut beliau, kalau diikut-ikutkan, maka rasa tidak puashati itu akan berlanjutan, padahal segala-galanya berkisar kepada hawa nafsu